

# Menteri perlu mahir dalam perundangan

UM - 6 DEC 1999

Oleh LAUPA JUNUS

**K**OTA KINABALU 5 Dis. — Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) menggesa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melantik seorang menteri yang berkelayakan di bidang perundangan menerajui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Presidennya, Profesor Hamdan Adnan berkata, kepakaran menteri terbabit amat penting dalam menangani isu-isu kepenggunaan di negara ini yang kebanyakannya membabitkan soal perundangan.

Katanya, walaupun kementerian berkenaan mempunyai ramai pegawai yang berkemampuan, adalah lebih baik sekiranya seorang menteri yang mempunyai kelayakan dalam bidang undang-undang memegang portfolio itu.

Sambil mengucapkan tahniah di atas kejayaan Barisan Nasional (BN) memenangi dua pertiga kerusi pada pilihan raya umum ke-10 yang lalu, beliau berkata FOMCA berharap kerajaan yang bakal dibentuk kelak akan meneruskan dasar-dasar yang menguntungkan negara dan rakyat.

"FOMCA juga berharap supaya kerajaan baru yang akan dibentuk ini lebih serius dan teliti dalam menangani isu-isu kepenggunaan di negara ini," katanya kepada *Utusan* di sini hari ini.

Beliau turut mengaluakan langkah kerajaan memperkenalkan Tribunal Pengguna yang antara lain bertujuan mendengar aduan dan mengatasi masalah

pengguna bagi kes-kes bernilai kurang RM10,000 serta menyelesaikan kes tersebut dalam tempoh 60 hari.

Bagaimanapun Hamdan meminta kementerian terbabit supaya mengkaji semula beberapa peruntukan dalam Tribunal Pengguna yang dikuatkuasakan 15 November lalu bagi meningkatkan keberkesanan pewujudan tribunal itu.

## Kepenggunaan

Antara perkara yang perlu dipertimbangkan semula menurut Hamdan ialah tuntutan tidak melebihi RM10,000 sebelum ini perlu dinaikkan supaya ia turut merangkumi kes-kes melebihi had itu.

Ini kerana katanya, banyak masalah berhubung kepenggunaan yang dihadapi kini seperti perumahan dan kenderaan bernilai lebih RM10,000.

"Sebagai contoh lebih 70 peratus aduan berkaitan kepenggunaan yang diterima FOMCA berkaitan dengan masalah perumahan.

Oleh itu agak sukar bagi pengguna yang menghadapi

kes seperti penipuan membuat tuntutan kerana masalah perumahan biasanya membabitkan nilai melebihi RM10,000" katanya.

Selain itu kata Hamdan, Tribunal Pengguna yang diwujudkan itu perlu diperkenalkan ke daerah-daerah bagi memastikan hak masyarakat luar bandar juga diambil kira memandangkan mereka terpaksa mengeluarkan kos lebih sekiranya ingin membuat aduan di pejabat cawangan penguatkuasaan kementerian yang agak jauh.

Hamdan juga berharap supaya keanggotaan tribunal itu terdiri daripada mereka yang berkelayakan seperti hakim yang telah bersara, bekas peguam, bekas pegawai kanan kementerian terbabit serta Jaksa Pendamai (JP).

Hamdan berkata, keanggotaan tribunal itu dapat memastikan masalah yang diadukan dapat dibicarakan secara adil dan tidak dipertikaikan.

Dalam perkembangan yang sama beliau berkata, Akta Perlindungan Pengguna yang diwujudkan tahun ini juga mempunyai banyak kelemahan kerana ia tidak meliputi kes-kes berkaitan kesihatan dan makanan.

"Oleh kerana aduan berkenaan isu kesihatan, makanan dan perumahan ini begitu banyak diterima, saya berharap dua kementerian terbabit iaitu Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi mengkaji keberkesanan untuk mengurangkan kelemahan dalam Akta Perlindungan Pengguna," katanya.